

Kuala Terengganu: Seorang anak muda, Mohd Zakirudin Aziz, 25, amat meminati seni pembuatan wau tradisional sejak dua tahun lalu ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), waktu terluang membuatkan beliau ingin mencuba kemahiran baharu.


Bermula sebagai hobi melukis dan mewarna corak diatas kertas kosong, akhirnya Mohd Zakirudin sanggup untuk membahagikan masa belajar dengan seorang pembuat wau berpengalaman di Kampung Kesom Tok Tukang, Manir.

Proses bermula dengan lakaran corak yang mempunyai motif alam tumbuh-tumbuhan kesukaannya, beliau seterusnya akan mewarnakan mengikut warna yang sesuai sebelum dipotong dengan teliti mengikut kehalusan corak dihasilkan.



PROSES bermula dengan lakaran corak, kemudian diwarnakan mengikut warna yang sesuai sebelum dipotong dengan teliti mengikut kehalusan corak.

MENGHIDUPKAN WAU WARISAN



Wau yang bersaiz besar mengambil masa lama adakalanya sehingga seminggu untuk disiapkan, nak sobek (ukir) satu pekerjaan yang memerlukan ketelitian dan berhati-hati supaya ukiran pada kertas tidak rosak atau koyak.

Selain wau bulan, Mohd Zakirudin mahir menghasilkan beberapa jenis wau seperti wau merak, wau kucing, wau jala budi dengan hanya menggunakan bahan asas yang mudah diperolehi di sekitar kampungnya.

Minat dan penat lelahnya membuahkan hasil apabila ada peminat wau ingin membeli hasil buatan tangannya, menurutnya yang memiliki 10 wau tradisional yang dihasilkan untuk tujuan memasuki pertandingan dan pertunjukkan wau tradisional tidak lama lagi.



MOHD Zakirudin bersama sebahagian daripada wau dihasilkan di rumahnya di Kampung Kesom Tok Tukang, Manir.

“Masa membataskan saya untuk mengambil banyak tempahan, tetapi kerana minat kepada seni ini saya tetap berusaha untuk menghasilkan wau tradisional dan berharap lebih ramai anak muda meminati seni penghasilan wau tradisi ini,” katanya.



MOHD Zakirudin bersama wau bulan yang dihasilkan.
- Gambar NSTP/GHAZALI KORI



WAU dihasilkan menggunakan bahan asas iaitu buluh berang atau buluh duri.



KERJA menampal memerlukan ketelitian dan berhati-hati supaya ukiran pada kertas tidak rosak atau koyak.